

Berita BaUTeM

www.utm.edu.my | edisi Januari & Februari 2014



MyUTeM UTeM_my utem_moments


UTeM Tingkat Pengantarabangsaan Melalui MoU dengan

Universiti Turki



UTeM Meterai MoU dengan **King Khalid University Arab Saudi**

UTeM Pamer Kecemerlangan Raih **26** Pingat di **Malaysia Technology Expo 2014**





UTeM Meterai MoU dengan King Khalid University Arab Saudi



4 Februari : Kerjasama strategik di peringkat antarabangsa terus diperkasakan oleh UTeM dalam usaha menjadikan negeri Melaka sebagai hab pendidikan serta memartabatkan pengajian teknikal negara ini.

Usaha tersebut menyaksikan UTeM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan King Khalid University dari Arab Saudi hari ini di Kampus Induk Durian Tunggal.

UTeM dalam satu kenyataannya menjelaskan bahawa MoU tersebut antara lainnya akan menjadikan kedua-dua buah universiti sebagai rakan strategik dalam bidang penyelidikan selain melaksanakan program pertukaran pelajar dan staf.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, MoU tersebut bakal memberi manfaat yang besar kepada UTeM dalam memperkasakan usaha pengantarabangsaan di samping menaikkan imej universiti sebagai institusi teknikal tersohor di rantau ini.

“Kerjasama dalam bidang penyelidikan, pertukaran teknologi dan kepakaran antara UTeM dan King Khalid University akan meningkatkan lagi mutu penyelidikan dan modal insan berkualiti sejajar dengan matlamat ke arah status negara maju,” jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Tambah beliau, inisiatif yang akan dimeterai seharusnya diberi perhatian sewajarnya dan penyelidik mahupun ahli-ahli akademik terlibat perlu menggunakan peluang sebaiknya untuk berkolaborasi dengan King Khalid University dalam bidang-bidang berkaitan.

King Khalid University merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi awam terbesar di Timur Tengah dengan kapasiti 70,000 orang pelajar yang mengikuti pelbagai program kejuruteraan, teknologi maklumat, sains komputer, perubatan dan sains gunaan.

Turut hadir ke majlis menandatangani MoU itu ialah pengurusan kanan King Khalid University serta pegawai-pegawai kanan Kedutaan Arab Saudi di Malaysia.

Naib Presiden King Khalid University, Prof. Ahmed Tahir Mubarak dan Naib Canselor UTeM menandatangani MoU tersebut.



21 Januari : Pencapaian UTeM di peringkat antarabangsa sepanjang tahun 2013 mendapat perhatian pihak media dari Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Sekumpulan wakil media daripada beberapa agensi berita UAE telah mengadakan pertemuan dengan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di pejabatnya hari ini bagi mengikuti perkembangan terkini serta halatuju universiti.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, kehadiran wakil media UAE ke UTeM adalah untuk melihat dengan lebih dekat pembangunan dan kemajuan universiti selain bertemu dengan pelajar antarabangsa dari Timur tengah bagi mendapatkan pandangan serta berkongsi pengalaman belajar di universiti tersebut.

“Pencapaian terbaik UTeM pada 2013 selaku penerima anugerah Universiti Terbaik Serantau oleh European Business Assembly (EBA) serta prestasi cemerlang dalam bidang penyelidikan dan inovasi telah menarik perhatian media UAE untuk datang ke sini membuat liputan,” jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Pada pertemuan tersebut, wakil media UAE telah diberi taklimat mengenai latarbelakang universiti, bidang teras utama, pencapaian universiti serta Pelan Strategik UTeM 2012-2020.

Manakala beberapa pelajar dari Yemen, Arab Saudi dan Mesir turut ditemubual oleh wakil media yang hadir bagi mengetahui pengalaman mereka belajar di Malaysia khususnya di UTeM.

Bagi Dr. Ahmad Yusoff, kedatangan wakli media UAE ke UTeM merupakan satu petanda baik bahawa kualiti pengajian teknikal di negara ini semakin mendapat perhatian antarabangsa dan secara tidak langsung membantu mempromosikan Malaysia sebagai pilihan utama pelajar dari negara Timur Tengah.



Isi Kandungan Januari & Februari

2 UTeM Meterai MoU dengan King Khalid University Arab Saudi

3 Pencapaian Cemerlang UTeM jadi Tumpuan Media UAE

4 UTeM tingkat Pengantarabangsaan melalui MoU dengan Universiti Turki

5 Kecemerlangan UTeM tarik perhatian Institusi Pendidikan Indonesia

TINGKAT PENGANTARABANGSAAN PERGIAT PROGRAM MOBILITI PELAJAR

6 Dr. Nurul Akmar Terima Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pendidikan Malaysia

7 Kolej Matrikulasi Melaka jalin Kerjasama dengan UTeM

8 Pengurusan Universiti Jalani Program Creating Coaching Culture in UTeM

Lawatan Muhibbah Eratkan Hubungan UTeM dengan Kumpulan Media Prima

9 UTeM pameran Kecemerlangan raih 26 Pingat

10 UTeM Moments

12 Fokus Inovasi : Tingkatkan Keselamatan Penunggang Motorsikal

13 Fokus Inovasi : An Intelligent Mobile Qiblat and Prayer Time Finder with Universal Local Time

14 Fakulti Teknologi Kejuruteraan laksana Tanggungjawab Sosial

15 UTeM perkenal Aplikasi Rakan Keselamatan Universiti

16 FKEKK bertindak pantas hadapi Situasi Kecemasan

Lawatan MPP UniSZA Eratkan Hubungan

17 Kursus Pengurusan Organisasi Mantapkan Pentadbiran MPP UTeM

JAKSIS Murni Bukti Kemampuan Tawan Gunung Datuk

18 UTeM jadi Pusat Lahirkan Mahasiswa berjaja Usahawan

FPTT anjur Seminar Peruncitan dan Francais

19 iDECON 2014

20 Direktori UTeM

Sidang Editorial



UTeM Tingkat Pengantarabangsaan melalui MoU dengan

Universiti Turki



15 Februari : UTeM memperkasakan program pengantarabangsaan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama universiti ternama di Turki iaitu Yildiz Technical University, Marmara University, Fatih University dan Istanbul Aydin University.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, MoU yang ditandatangani itu melibatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan, pertukaran teknologi dan kepakaran dengan universiti-universiti terlibat di samping membuka lembaran baru kepada UTeM untuk muncul sebagai sebuah institusi teknikal tersohor di rantau ini.

Tambah beliau, MoU yang dimeterai itu bertepatan dengan hala tuju UTeM pada tahun 2014 iaitu meningkatkan program pengantarabangsaan melalui jalinan kerjasama dengan institusi mahupun organisasi global.

“Sebagai contoh, Marmara University yang ditubuhkan pada tahun 1883 mempunyai pelbagai bidang kepakaran untuk dikongsi bersama di samping dijadikan model dalam pengurusan pelajar universiti itu yang kini mencecah 70,000 orang,” kata Ahmad Yusoff.

Selain menandatangani MoU, Dr. Ahmad Yusoff serta delegasi UTeM turut mengadakan lawatan kerja ke Gebze Institute of Technology.

Jelas beliau lagi, pihak pengurusan Gebze Institute of Technology amat berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan UTeM dan satu majlis menandatangani MoU akan diadakan di Melaka dalam masa terdekat.

Turut sama menyertai lawatan kerja ke Turki ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin dan Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman.



Kecemerlangan UTeM tarik perhatian Institusi Pendidikan Indonesia

7 Januari : Prestasi cemerlang UTeM dalam mempelopori pengajian berteraskan aplikasi dan amalan di negara ini terus mendapat perhatian antarabangsa.

Baru-baru ini UTeM dikunjungi oleh delegasi dari Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) Semarang, Indonesia bersama pengetua-petgetua sekolah di daerah tersebut bagi melihat dengan lebih dekat konsep pengajian yang diamalkan di universiti itu.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman berkata, lawatan tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada pengetua-petgetua sekolah mengenai peluang pendidikan dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan serta pengenalan kepada kemudahan berteknologi tinggi yang terdapat di kampus UTeM.

Jelasnya lagi, lawatan yang dianjurkan itu bertindak sebagai platform jalinan kerjasama erat dengan institusi pendidikan di Indonesia khususnya pihak sekolah agar dapat menyampaikan maklumat tepat kepada pelajar berkaitan peluang pengajian di Malaysia.

Tingkat Pengantarabangsaan PERGIAT PROGRAM MOBILITI PELAJAR



12 Februari : Sekumpulan lapan orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah dipilih mengikuti program mobiliti di Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS) Surabaya, Indonesia selama satu semester.

Program tersebut merupakan sebahagian daripada kerjasama dua hala yang terkandung dalam Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh kedua-dua institusi tidak lama dahulu.

Salah seorang pelajar yang terlibat dalam program itu, Muhammad Adib Arshad ketika ditemui sebelum berlepas ke Surabaya berkata, mereka akan mengikuti pengajian selama satu semester di Fakultas Teknologi Industri ITS.

“Program ini akan memberikan pengalaman paling bermakna bagi kami kerana peluang sebegini amat sukar diperolehi dan kami akan memanfaatkan semua ilmu yang diperolehi untuk dikongsikan apabila kembali kelak,” jelas Adib.

Sementara itu, UTeM dalam kenyataannya menjelaskan bahawa tujuan utama program mobiliti adalah untuk memberi pendedahan baru kepada pelajar terhadap sistem pengajian di universiti luar negara sekaligus meningkatkan semangat jati diri bagi menghadapi suasana pembelajaran berbeza serta berpeluang merasai budaya dan kehidupan di luar negara.

Menurut kenyataan itu lagi, program yang dianjurkan adalah sejajar dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara dalam mempromotkan aktiviti pengantarabangsaan seterusnya menghasilkan graduan kompeten serta mempunyai perspektif global dan berupaya menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial dengan lebih berkesan.



DR. NURUL AKMAR

Terima Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pendidikan Malaysia

28 Januari : Ketua Jabatan Kejuruteraan Perisian Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Dr. Nurul Akmar Emran menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) Kementerian Pendidikan Malaysia yang disampaikan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Penyampaian pingat tersebut adalah bersempena Perutusan Tahun Baru YAB Menteri Pendidikan 2014 yang berlangsung di Dewan Plenari Pusat Konvensyen Putrajaya (PICC) siang tadi.

Penganugerahan PPC kepada Dr. Nurul Akmar adalah berdasarkan sumbangan dan pencapaian cemerlang beliau dalam bidang pengajaran dan penyelidikan di samping aktif menabur bakti kepada masyarakat.

Menyertai UTeM pada tahun 2002, anak jati Melaka itu merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang kualiti data dari University of Manchester, United Kingdom.

Beberapa hasil penyelidikan beliau dalam bidang kejuruteraan perisian berjaya diterbitkan dalam jurnal antarabangsa berimpak tinggi selain aktif menyertai seminar dan prosiding sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Selain bidang penyelidikan, beliau turut menyumbang kepakaran sebagai fasilitator dan panel juri dalam menjayakan pelbagai program melibatkan pertandingan inovasi, pembangunan laman web serta komited kepada pencapaian fakulti dan universiti.

Selaku penerima PPC, Dr. Nurul Akmar membawa pulang pingat Perkhidmatan Cemerlang, sijil penghargaan serta Sijil Simpanan Premium bernilai RM 1,000.



Kolej Matrikulasi Melaka Jalin Kerjasama dengan UTeM

23 Januari : UTeM terus mendapat perhatian pelbagai pihak untuk menjalankan hubungan strategik terutama sekali dalam pembangunan modal insan dan kerjasama penyelidikan.

Baru-baru ini pengurusan kanan Kolej Matrikulasi Melaka (KMM) yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Nor Haslida Tahir telah mengadakan kunjungan ke UTeM bagi membincangkan peluang kerjasama dua hala antara kedua-dua belah pihak.

Menurut Pengarah Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat UTeM, Fazidah Ithnin berkata, lawatan tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada pengurusan kanan dan pensyarah KMM mengenai peluang pendidikan dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan serta pengenalan kepada kemudahan berteknologi tinggi yang terdapat di kampus UTeM.

Pengurusan kanan KMM kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin serta dekan-dekan fakulti bagi membincangkan rangka kerjasama yang boleh dilaksanakan kelak.



14 Februari : Bertempat di Bilik Jamuan Senat, pengurusan kanan universiti berkumpul untuk mengikuti program "Creating Coaching Culture in UTeM" yang turut dihadiri oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Datuk Ahmad Yusoff ketika ditemui menjelaskan, program tersebut dianjurkan dengan fokus utama untuk memperkemas dan membudayakan kepimpinan cemerlang bagi menjadikan UTeM sebuah institusi teknikal tersohor.

Katanya lagi, sebuah universiti yang mampan seharusnya menyediakan suasana serta budaya kepimpinan agar barisan pelapis berwibawa dapat dilahirkan untuk meneruskan kecemerlangan.

Program sehari itu turut membincangkan isu serta strategi baru untuk memperkasakan kepimpinan universiti serta membangunkan bakat-bakat yang boleh diketengahkan.

Timbalan-timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Pengarah-pengarah Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta Dekan-dekan hadir dalam program tersebut.

Pengurusan Universiti Jalani Program **CREATING COACHING CULTURE IN UTeM**



Lawatan

MUhibbah ERATKAN HUBUNGAN UTeM DENGAN KUMPULAN MEDIA PRIMA

Pengarah Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Fazidah Ithnin telah mengetuai lawatan ke Unit Pendidikan Berita Harian dan New Straits Times di Balai Berita Kuala Lumpur bagi mendapatkan maklumbalas serta bertukar-tukar pandangan mengenai aktiviti bersama pihak media yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Lawatan tersebut antara lain untuk menyampaikan ucapan penghargaan kepada warga media yang sentiasa memberi sokongan padu kepada UTeM dalam setiap program yang telah dianjurkan.

Menurut Fazidah ketika ditemui berkata, hubungan UTeM dengan pihak media amat akrab dan pihak pengurusan universiti sentiasa menghargai segala sumbangan dalam membuat liputan mengenai berita kejayaan mahupun acara yang berlangsung di universiti itu.

Katanya lagi, selain lawatan ke Kumpulan Media Prima, pihaknya juga akan mengadakan kunjungan muhibbah ke beberapa syarikat akhbar dan agensi berita bagi meningkatkan hubungan yang sedia terjalin.



media prima





UTeM Pamer Kecemerlangan Raih 26 Pingat



MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2014
 THE LEADING INTERNATIONAL INVENTION & INNOVATION EXPO
 20 - 22 FEBRUARY 2014 • PUTRA WORLD TRADE CENTRE • KUALA LUMPUR

25 Februari : Penyelidik UTeM mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai Malaysia Technology Expo 2014 (MTE 2014) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada pertandingan inovasi tersebut, pasukan penyelidik UTeM telah meraih satu pingat emas, sepuluh perak dan 15 gangsa menjadikan sejumlah 26 pingat diraih melalui produk-produk inovasi yang dipertandingkan.

Salah satu produk UTeM iaitu Mobile-Based Fall Alert System (MOBIFALL) yang meraih pingat emas turut dinobatkan sebagai penerima "The Very Best Award" oleh penganjur.

Produk berinovasi itu dibangunkan oleh Engr. Vigneshwara Rao Gannapathy dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) yang berfungsi menghantar isyarat pemberitahuan kecemasan kepada ahli keluarga apabila mengesan pemakainya mengalami kemalangan.

"Mobile-Based Fall Alert System (MOBIFALL) ini merupakan peranti kecil yang dipasang dalam telefon pintar di mana ia akan menghantar mesej kepada telefon bimbit tiga orang yang kita tetapkan. Alat ini dicipta khusus bagi membantu warga emas, wanita hamil, individu yang menghidap penyakit jantung serta penunggang motosikal," kata Vigneshwara.

"Sebagai contoh, jika seorang penunggang motosikal terlibat dalam kemalangan, aplikasi ini akan menghantar mesej kepada telefon bimbit ahli keluarga terdekat dengan lokasi semasa berserta koordinat GPS," jelas beliau lagi.

Melalui inovasi tersebut, golongan berisiko seperti warga emas, wanita hamil dan sebagainya akan mudah diberi bantuan sekiranya berdepan dengan situasi kecemasan.



Kejayaan UTeM dalam MTE 2014 mendapat perhatian syarikat-syarikat serta agensi pengkomersilan dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan rangkaian strategik dalam memasarkan produk ke peringkat global.



UTeM Moments



Majlis Perutusan Naib Canselor 2014
11 Februari 2014



Lawatan Naib Canselor UNIMAS ke UTeM
27 Januari 2014



Kempen Keselamatan Jalan Raya
28 Februari 2014





Program UTeM Terbilang
21 - 27 Februari 2014



Lawatan Audit Persijilan Semula
ISO 9001-2008 SIRIM QAS | 29 Januari 2014



Bengkel Akhbar Dalam Darjah Berita Harian
8 Februari 2014



TINGKATKAN KESELAMATAN PENUNGGANG MOTORSIKAL



UTeM EX 2013
EXPO PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2013

Human - Technology Interaction

TURN SIGNAL REMINDER FOR MOTORCYCLE

Researchers:
Safarudin Gazali Herawan, Herdy Rusandi, Mohd Zaini bin Jamaludin
Email: safarudin@utem.edu.my
Centre for Advanced Research on Energy

Forgot to turn off the turn sign? What will happen?



Therefore, comes this product



Potential Customer Feedback



Centre for Advanced Research on Energy
Faculty of Mechanical Engineering, Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
<http://www.utem.edu.my/care>



Sebagai penunggang motorsikal, kita tidak dapat lari daripada pelbagai risiko kemalangan jalanraya sama ada di atas kecauaian pengguna lain mahupun kecauaian sendiri.

Seringkali kemalangan melibatkan motorsikal berpunca daripada kecauaian penunggang itu sendiri yang tidak memberi isyarat yang sempurna, malah terdapat juga kes berpunca akibat kegagalan memadamkan lampu isyarat membelok (turn signal).

Menyedari hakikat itu, seorang penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal mencipta satu alat inovasi yang boleh mengurangkan kecauaian penunggang motorsikal memadamkan isyarat membelok sekaligus mengelakkan kemalangan.

Penyelidik tersebut, Safarudin Gazali Herawan telah mencipta sebuah alat yang dinamakan "Turn Signal Reminder for Motorcycle" berfungsi memberi amaran kepada penunggang motorsikal untuk mematikan isyarat membelok bagi mengelakkan kekeliruan pemandu lain.

"Alat ini berfungsi secara wireless menghubungkan lampu isyarat membelok dengan buzzer yang dipasang di kiri dan kanan helmet," jelas Safarudin.

Menurutnya lagi, apabila penunggang ingin membelok ke kanan, lampu isyarat membelok akan dihidupkan dan secara automatik buzzer di dalam helmet akan berbunyi bagi memberi amaran kepada penunggang.

Setelah selesai membelok, penunggang perlu mematikan isyarat membelok dan seterusnya buzzer akan turut terpadam.

Melalui penggunaan buzzer yang dipasang di dalam helmet, penunggang tidak lagi terlupa untuk memadamkan lampu isyarat membelok sekaligus mengurangkan kekeliruan di antara pengguna jalanraya lain.

"Inovasi ini telah dicuba oleh 80 orang responden dan maklumbalas yang diterima sangat menggalakkan lebih-lebih lagi ianya tidak memerlukan sebarang wayar untuk disambungkan kepada helmet," kata Safarudin.

Tambah beliau, responden juga bersetuju bahawa inovasinya itu mampu mengurangkan risiko kemalangan akibat kecauaian penunggang motorsikal dan ianya perlu dikomersialkan untuk kegunaan semua peringkat umur.

Katanya lagi, lebih membanggakan apabila alat tersebut dihasilkan dengan kos kurang daripada RM 100.



AN INTELLIGENT MOBILE QIBLAT & PRAYER TIME FINDER

With Universal Local Time



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



AN INTELLIGENT MOBILE QIBLAT AND PRAYER TIME FINDER WITH UNIVERSAL LOCAL TIME SYNCHRONIZATION FOR SMART PHONE APPLICATION

Researchers

Dr. Azmi Bin Awang Md Isa, Engr. Vigneswara Rao S/o Gannapathy,
Dr. Zahriladha Bin Zakaria, Fauzi Bin Mohd Johar

Dr. Azmi Bin Awang Md Isa

NOVELTY AND INVENTIVENESS

1. An innovative system for Muslims to identify Prayer Times along with Qiblat directions automatically by using Smartphone with built-in Global Positioning System (GPS) capability.
2. An intelligent system that automatically determines a precise Local Time for any given locations around the world without knowing Greenwich Mean Time (GMT) and the current location.
3. A Smart system to display and identify the direction and distance from the user's current location to any specific locations required by the user.
4. A reliable system which determines the Prayer Times, Qiblat directions, Local Time and Direction based on data that received from GPS in real time basis.

USEFULNESS IN SOLVING PROBLEM

To our knowledge, the existing systems for determining the prayer times are based in conventional way where the city and the current location need to be chosen by the users manually. However, by using a smart phone with built-in GPS, the locations of the observant could have been updated automatically. The digital Qiblat Compass in this system will be pointed to Ka'bah automatically as compared to conventional way where the index number of the locations needs to be known by the observant. By using a smart phone with built-in GPS, the local time of the user location can always be updated. Additional feature such as the directional finder could help the users to find the direction and the distance from the users' current position to the specific areas.

POTENTIAL COMMERCIALIZATION

The smart phone that equipped with the GPS will be used to determine the Prayer Times, Qiblat direction, Local Time and Directional Finder in real time basis. The GPS provides information of the latitude, longitude and altitude in real time basis and these informations will be used by the system to determine the precise Prayer Times, Qiblat direction, Local Time and Directional Finder automatically. The developed system can be installed in all the smart phones which are equipped with the GPS receiver. Thus, this developed system can be commercialized to all the Telco companies as one of the smart phone application.

STATUS OF THE PRODUCT

1. Ready to be commercialized
2. In the process to file for patent



Where Great Technical Careers Begin

Contact:
Dr. Azmi Bin Awang Md Isa (azmi.awang@utmm.edu.my)
Engr. Vigneswara Rao S/o Gannapathy (vigneswara@utmm.edu.my)
Dr. Zahriladha Bin Zakaria & Innovation Management (ZBIM)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Pusat Penyelidikan, Inovasi & Pengurusan Teknologi (PPIPT)
76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia
Tel: +603-79421421 Fax: +603-79421422

Penyelidik Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah menghasilkan aplikasi telefon pintar yang menunjukkan arah Qiblat dan pengecaman waktu solat dengan menggunakan waktu tempatan.

Penyelidik tersebut, Dr. Azmi Awang Md Isa berkata, aplikasi itu merupakan satu sistem inovasi untuk kemudahan umat Islam bagi mengenal pasti waktu solat dan arah Qiblat secara automatik dengan menggunakan telefon pintar dalam sistem kedudukan global (GPS).

Kompas digital Qiblat dalam sistem ini akan menunjukkan arah Kaabah secara automatik berbanding dengan cara konvensional di mana nombor indeks satu lokasi perlu diketahui.





> > > > FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN < < < < Laksana Tanggungjawab Sosial

6 Februari : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) terus menggerakkan aktiviti kemasyarakatan melalui Projek Naiktaraf Perpustakaan Al-Farabi di Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam, Durian Tunggal baru-baru ini.

Projek tersebut menjadi kenyataan atas kesedaran dan usahasama Persatuan Kebajikan dan Rekreasi Staf (PEKERTI) Fakulti Teknologi Kejuruteraan serta penaja lain seperti Mizatek Mewah Sdn. Bhd., Acis Technologies Sdn. Bhd., Galaxy Sdn. Bhd. dan Angsa Dijaya Sdn. Bhd.

Idea cetusan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Profesor Madya Mohd Rahimi Yusoff berjaya mencapai objektifnya apabila pihak sekolah dan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) mendapat sumbangan bernilai RM27,085.00 bagi tujuan baikpulih dan penambahbaikan perpustakaan itu.

Sumbangan yang telah dihulurkan adalah seperti buku-buku bacaan dan bahan rujukan, empat unit penghawa dingin, tiga set perabot kerusi meja serta kerja-kerja pengubahsuaian menggantikan pintu dan tingkap di sekeliling perpustakaan berkenaan.

Majlis Penyerahan Projek Perpustakaan Al-Farabi telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta turut dihadiri Yang Dipertua Persatuan PIBG, Asri Din dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam, Hajah Ratipah Joned serta wakil Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah.

UTeM

PERKENAL APLIKASI

RAKAN KESELAMATAN UNIVERSITI

RKU



22 Januari : Pejabat Keselamatan UTeM mencipta sejarah sebagai pelopor aplikasi pintar dalam talian sebagai saluran aduan dan penyampaian maklumat kepada pusat kawalan keselamatan universiti.

Aplikasi yang dikenali dengan nama Rakan Keselamatan Universiti (RKU) diilhamkan oleh Pengarah Pejabat Keselamatan UTeM, DSP/PB Affindi Abu Bakar yang memikirkan saluran paling efektif kepada warga universiti untuk menyalurkan maklumat dengan cepat dan mudah.

“Aplikasi RKU boleh dimuat turun ke telefon pintar (smartphone) pengguna dan ianya amat mudah digunakan khususnya bagi warga UTeM terdiri daripada pelajar dan staf untuk melaporkan sebarang kejadian jenayah, kemalangan serta kes-kes kecemasan,” kata Affindi.

Jelas beliau lagi, aplikasi RKU boleh mengenalpasti lokasi pengadu serta dilengkapi dengan fungsi kamera bagi merakamkan kejadian dan dihantar kepada pusat kawalan keselamatan 24 jam.

“Sebagai contoh, pengguna terlihat kenderaan diletakkan di kawasan larangan dan menghalang lalulintas. Pengguna tersebut boleh melaporkan kepada pusat kawalan dengan menghantar laporan serta gambar dan tindakan segera akan diambil oleh Polis Bantuan UTeM,” katanya.

Melalui aplikasi RKU, aduan serta laporan boleh disalurkan dengan cepat dan ianya selaras dengan perkembangan teknologi komunikasi masa kini yang pesat membangun.

Penghasilan aplikasi tersebut juga memberi kemudahan kepada pasukan Polis Bantuan UTeM untuk bertindak dengan cepat lebih-lebih lagi melibatkan keselamatan mahasiswa di asrama-asrama serta bangunan fakulti yang mempunyai kemudahan makmal berteknologi tinggi.

“Keselamatan staf, mahasiswa dan fasiliti merupakan keutamaan kami dan dengan adanya aplikasi RKU, ianya akan meningkatkan tahap perkhidmatan Polis Bantuan UTeM ke peringkat yang lebih tinggi dan menjadi contoh kepada institusi lain,” kata Affindi.

Menurut Affindi lagi, aplikasi tersebut menarik perhatian Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk dibangunkan bersama bagi menyokong inisiatif bandar selamat berdasarkan ciri-cirinya yang mesra pengguna dan unik.

Aplikasi RKU kini boleh dimuat turun melalui portal Google Play secara percuma dan mula digunakan sepenuhnya oleh warga UTeM.





18 Februari : Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Balai Ayer Keroh telah mengadakan latihan kebakaran di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) baru-baru ini.

Menurut Pengarah Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM, Azwan Aziz ketika ditemui berkata, tujuan latihan dijalankan adalah untuk menguji tahap kesediaan Jawatankuasa Kecemasan FKEKK serta melazimkan warga fakulti dengan situasi sebenar.

“Latihan sebegini diharapkan dapat meningkatkan tahap kesedaran penghuni bangunan serta meningkatkan tahap persediaan menghadapi situasi kecemasan lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca yang panas dan kering,” jelas Azwan.

Katanya lagi, latihan tersebut bertindak sebagai satu peluang untuk mengenalpasti beberapa kelemahan dan tindakan penambahbaikan dapat diambil agar keselamatan warga fakulti sentiasa terjamin.

Dalam pada itu, Azwan menambah, pihaknya sedang merancang satu latihan berskala besar membabitkan agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) untuk dilaksanakan pada tahun ini bagi menguji kesediaan kecemasan pada tahap yang lebih tinggi.



Lawatan **MPP UniSZA** **Eratkan Hubungan**

28 Januari : Seramai 20 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu yang diketuai oleh Yang DiPertua (YDP) Zuhairi Zuremi telah mengadakan lawatan muhibbah ke UTeM baru-baru ini.

Ketibaan rombongan telah disambut oleh YDP MPP UTeM, Affendy Mohd Saleh bersama barisan exco MPP di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk.

Menurut Zuhairi ketika ditemui berkata, tujuan lawatan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan sesama universiti, bertukar-tukar fikiran dan pengalaman antara kedua-dua MPP yang mewakili suara mahasiswa di universiti masing-masing.

Jelasnya lagi, satu sesi perbincangan telah diadakan dan beberapa program kerjasama bakal dianjurkan bagi menerapkan nilai kerjasama antara badan tersebut.

Peserta rombongan telah dibawa melawat beberapa kemudahan sekitar UTeM antaranya Perpustakaan, Pusat Persatuan Pelajar dan Masjid Sayyidina Abu Bakar.

Sementara itu, Affendy berkata, MPP UTeM juga merancang untuk mengadakan lawatan ke universiti-universiti lain bagi menimba pengetahuan dan pengalaman untuk dijadikan penanda aras dan melaksanakan tanggungjawab menjaga kebajikan pelajar UTeM keseluruhannya.



Kursus Pengurusan Organisasi

MANTAPKAN PENTADBIRAN

MPP UTeM

13 Februari : Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi bagi meningkatkan pengetahuan mengenai pentadbiran dan kewangan kepada barisan Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Menurut Yang DiPertua MPP, Muhammad Nur A'dnan Abu Bakar berkata, kursus berkenaan adalah untuk memberi penjelasan tentang misi, visi dan halatuju MPP, memberi pendedahan pengendalian mesyuarat, penulisan minit mesyuarat, mendedahkan mahasiswa mengenai sistem pengurusan sistem fail serta persuratan rasmi.

Turut diberi pendedahan mengenai kaedah menganjurkan sesuatu program bermula daripada penyediaan kertas kerja, penyediaan anggaran perbelanjaan serta menyiapkan laporan setelah setelah selesai program dijalankan.



JAKSIS MURNI *Bukti Kemampuan Tawan Gunung Datuk*



Penganjuran aktiviti riadah bersama alam semulajadi merupakan perkara yang sinonim bagi mahasiswa UTeM lebih-lebih lagi selepas berlalunya musim peperiksaan.

Baru-baru ini, Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa/Siswi (JAKSIS) Murni, D'Apartment dan Makmur telah menganjurkan Ekspedisi Gunung Datuk di Rembau, Negeri Sembilan.

Ekspedisi yang julung kalinya diadakan berjaya menarik penyertaan 40 peserta termasuk belia dan masyarakat sekitar Bukit Beruang dan Durian Tunggal.

Menurut Pengarah program itu, Mohd Khairul Nizam Suhaimin sewaktu ditemui berkata, ekspedisi bertemakan "Kembara Seribu Ukhwah" merupakan aktiviti yang mencetuskan impak positif dalam kalangan peserta dengan menerapkan semangat kerjasama dan setiakawan antara satu sama lain.

"Selain beriadah, peserta juga dapat menambah kenalan di samping berpeluang menikmati keindahan alam semulajadi yang terdapat di sepanjang pendakian Gunung Datuk," kata Mohd Khairul.

Program itu turut disertai Pengetua Kolej Kediaman tersebut, Al Amin Mohamed Sultan yang sama-sama menyahut cabaran menawan puncak Gunung Datuk bersama peserta lain.





6 Januari : Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan (PPKPB), mencipta sejarah apabila diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai sekretariat penganjuran program Lab Minda Keusahawanan Pelajar IPTA Negeri Melaka baru-baru ini.

Menurut Pengarah PPKPB, Prof. Dr. Khairul Baharein Mohd. Noor berkata, program itu melibatkan lebih 100 orang peserta terdiri daripada beberapa institusi di Melaka antaranya Kolej Komuniti Bukit Beruang, Universiti Teknologi MARA dan UTeM sebagai tuan rumah.

Menurut beliau, objektif program tersebut dapat diringkaskan kepada 5K iaitu memupuk dan membudayakan Keusahawanan, Kemahiran menyelesaikan masalah, Kerja berpasukan, Kepimpinan dan Komunikasi.

“Program Lab Minda Keusahawanan yang dianjurkan adalah selaras dengan hasrat KPM dalam menerapkan nilai keusahawanan di dalam kalangan pelajar IPTA seluruh negara,” jelas Dr. Khairul.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Datin Dr. Syahira Hamidon, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Penyelaras Dasar, Unit Keusahawanan KPM.

FPTT *anjur*

SEMINAR PERUNCITAN DAN FRANCAIS



Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Majlis Tindakan Ekonomi dan Sosial Bumiputera (MTESB) telah menganjurkan Seminar Peruncitan dan Francais baru-baru ini.

Pada seminar yang kali kedua dianjurkan itu, seramai 75 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan (Kepujian) FPTT terlibat mengikuti beberapa pembentangan oleh agensi berkaitan.

Seminar itu menampilkan Muhammad Hafizi Sulaiman dari Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang berkongsi peluang perniagaan francais dan skim bantuan kerajaan disediakan khususnya kepada graduan yang berminat melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Manakala Azhar Manap, Ketua Penolong Pengarah KPDNKK turut diundang khas bagi menerangkan peranan perniagaan peruncitan kepada ekonomi negara dan isu berkaitan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M).



3rd International Conference on
Design and Concurrent Engineering
IDECON 2014

22 - 23 September 2014
Avillion Legacy Hotel, Melaka
Malaysia

**THEME: Emerging
Technologies Towards
Sustainable Manufacturing**

IMPORTANT DATES:

1 Jan - 15 June 2014	Submission of Full Papers
1 Feb - 31 July 2014	Notification of Acceptance
24 Aug 2014	Registration Deadline
22-23 Sept 2014	Conference Day

All registered papers will be published in SCOPUS indexed publications

Organised by:

Faculty of Manufacturing Engineering
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

* Free Melaka Tour

Supported by:



<http://idecon2014.utm.edu.my/>

KETUA EDITOR :



Fazidah Ithnin

WARTAWAN :



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :



Aziza Md Buang



Suria Abdul Rahman



Khairul Fakhru Radhi Borhan

JURUFOTO :



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

PENGEDARAN :



Mohamad Haffize Ramli



Mohammad Taufik Osman

Direktori



Pejabat Naib Canselor	06-555 2008	06-331 6111
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	06-555 2011	06-331 6113
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	06-555 2010	06-331 6112
Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	06-331 6043	06-331 6222
Pejabat Pendaftar	06-555 2000	06-331 6114
Pejabat Bendahari	06-331 6188	06-331 6115
Perpustakaan	06-331 6819	06-331 6811
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	06-555 2128	06-555 2112
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	06-555 2345	06-555 2266
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	06-234 6891	06-234 6884
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	06-331 6019	06-331 6411
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	06-331 6023	06-331 6500
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan	06-283 3049	06-283 3131
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	06-234 6528	06-234 6526
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan	06-331 6901	06-331 6911
Pejabat Pembangunan	06-331 6371	06-331 6344
Pusat Komputer	06-331 6029	06-331 6030
Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi	06-331 6314	06-331 6320
Pusat Pengajaran dan Pembelajaran	06-283 3041	06-283 3493
Pusat Pengajian Siswazah	06-331 6768	06-331 6767
Penerbit Universiti	06-283 3344	06-283 3019
Pusat Pembangunan Keusahawanan Pembelajaran Berterusan	06-283 3250	06-283 3445
Pusat Islam	06-331 6304	06-331 6262
Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat	06-331 6249	06-331 6247
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	06-331 6092	06-331 6075
Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat	06-331 6775	06-331 6200
Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	06-331 6797	06-331 6780
Pejabat Antarabangsa	06-331 6016	06-331 6309
Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik	06-331 6305	06-331 6112
Pejabat Khidmat Pengurusan	06-331 6279	06-331 6276
Pejabat Hal Ehwal Perundangan	06-331 6191	06-331 6199
Pejabat Audit Dalam	06-331 6795	06-331 6024
Pusat Sumber & Teknologi Pembelajaran	06-331 6556	06-331 6500